



**KENYATAAN AKHBAR**  
**Untuk Siaran Serta Merta**

**UDA BERI PENJELASAN BERHUBUNG KEBAKARAN DI ANGSANA IPOH MALL**

Kuala Lumpur, 9 November – UDA Holdings Berhad (UDA) ingin memaklumkan berhubung kebakaran yang berlaku di salah sebuah pusat membeli belah milik UDA, Angsana Ipoh Mall.

Kebakaran yang berlaku pada pukul 2.30 pagi telah berjaya dipadamkan oleh pihak bomba sepenuhnya pada pukul 5.30 pagi. Lanya melibatkan 3 lot kedai di tingkat 1 pusat membeli belah itu. Tiada kemalangan jiwa atau kecederaan yang dilaporkan. Pihak UDA telah mengambil langkah – langkah segera untuk memaklumkan kepada pihak – pihak terbabit dan menutup kawasan tersebut. Siasatan terperinci sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian ini. Maklumat lebih lanjut akan diberikan sebaik sahaja siasatan selesai dijalankan.

UDA Holdings Berhad kesal dengan kejadian yang berlaku dan akan mengambil segala pendekatan yang perlu bagi mengelakkan kejadian yang seumpamanya daripada berlaku di masa akan datang.

**TAMAT**

## **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Radziah Fadzil | [radziah@udanet.com](mailto:radziah@udanet.com) | +60173377630
- Latifah Osman (Lat) | [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com) | +60122915427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855